


# PROGRAM 7 PILLARS:

## KURSUS KEMAHIRAN KOMUNIKASI 2009, Mampu Tingkatkan Kesedaran Pentingnya Komunikasi Dan Interpersonal

 Azilawati Suanda

Komunikasi merupakan asas kepada perhubungan interpersonal iaitu perhubungan antara seseorang dengan seseorang yang lain. Apabila komunikasi berlaku, ia boleh memberi impak yang besar terhadap perhubungan interpersonal dan begitu juga sebaliknya. Maka untuk mempunyai kemahiran interpersonal yang berkesan, pengetahuan dan pemahaman beberapa elemen-elemen yang boleh mempengaruhi proses komunikasi amat diperlukan.

Sehubungan dengan itu, Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni telah menganjurkan Kursus Kemahiran Komunikasi 2009 pada 13 September 2009 yang lalu khusus untuk pelajar-pelajar Tahun Akhir di Dewan 2020 Kangar, Perlis. Kursus ini telah dilaksanakan



selama 1 hari dan diakhiri dengan majlis terbuka puasa bersama tenaga penggerak kursus berkenaan. Kursus ini telah dirasmikan oleh Dekan Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan, Dr. Hazry bin Desa.

Tujuan utama kursus ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya kemahiran komunikasi

dan interpersonal yang baik untuk memajukan organisasi atau sesebuah institusi. Selain itu, pelajar-pelajar seharusnya memahami proses komunikasi dan implikasi terhadap keberkesannya. Kursus ini telah berjaya memberi input yang berkesan kepada semua pelajar dan segala input yang diperolehi dapat dimanfaatkan semasa pelajar menempuh alam pekerjaan dan juga ketika melalui pergaulan seharian.